

No. Soalan: 213
PR-1353-T01353

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

SOALAN : Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan hubungan Korea Utara dan Malaysia pada masa sekarang. Berapakah warga Korea Utara masih berada di Malaysia khususnya Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat SibU atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan diplomatik di antara Malaysia dan DPRK telah bermula sejak tahun 1973 dan ianya telah berlangsung dalam keadaan yang baik dan mesra. Walau bagaimanapun, insiden yang melibatkan kematian seorang warganegara DPRK, Kim Jong-nam di Kuala Lumpur pada 13 Februari 2017 dan perkembangan berkaitan kes tersebut telah menyebabkan berlakunya ketegangan di dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan DPRK.

3. Insiden tersebut telah membuktikan bahawa tindak tanduk Kerajaan DPRK mampu membawa kesan negatif terhadap Malaysia khususnya dan masyarakat antarabangsa amnya. Sehubungan itu, Malaysia sedang mengkaji semula hubungan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan DPRK. Walaupun Malaysia tidak akan memutuskan hubungan diplomatik dengan DPRK, namun, sebagai Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia bertanggungjawab dan komited untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melaksanakan sekatan-sekatan ke atas DPRK selaras dengan Resolusi-resolusi Majlis Keselamatan PBB (UNSC).

4. Malaysia juga kekal prihatin terhadap perkembangan di Semenanjung Korea, terutamanya berhubung dengan ujian nuklear bawah tanah dan ujian peluru berpandu balistik DPRK. Malaysia berpandangan bahawa perbezaan di antara kedua-dua negara Korea perlu diselesaikan melalui rundingan dan dialog yang aman.

5. Malaysia akan terus menggesa DPRK untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mempamerkan komitmen berhubung dengan langkah-langkah penyahcambahan nuklear di Semenanjung Korea serta mematuhi pelbagai Resolusi UNSC mengenai perkara tersebut.

6. Berdasarkan maklumat dari Kementerian Dalam Negeri, bilangan warga DPRK yang masih berada di Malaysia adalah sebanyak 90 orang. Manakala di Sarawak, pihak berkuasa Negeri Sarawak telah menghantar pulang kesemua pekerja asing warganegara Korea Utara ke negara asal dan tidak lagi membenarkan mana-mana pemegang Pasport Korea Utara untuk masuk ke Sarawak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (214)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

SOALAN :-

**YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN menyatakan:-**

- a) secara terperinci jumlah rumah kos rendah dan mampu milik yang sudah siap dibina oleh Kerajaan sejak tahun 2008 sehingga tahun 2017 berdasarkan negeri; dan
- b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan setiap keluarga memiliki rumah mereka.

Jawapan :-

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 2013 hingga 15 Oktober 2017, jumlah Rumah Mampu Milik (RMM) yang telah siap dibina oleh pelbagai agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri berdasarkan negeri (tidak termasuk projek swasta) adalah seperti berikut:

**PROGRAM 1 JUTA RUMAH MAMPU MILIK (RMM) NEGERI
(TIDAK TERMASUK PROJEK SWASTA)
2013 - 15 OKTOBER 2017**

NEGERI	SIAP
Johor	22,777
Sabah	22,156
Terengganu	12,016
Kedah	9,353
Melaka	8,130
Perak	7,485
Kelantan	6,634
Kuala Lumpur	6,347
Pahang	6,104
Sarawak	5,665
Pulau Pinang	4,348

Putrajaya	3,506
Selangor	3,030
Negeri Sembilan	2,666
Pelbagai	1,600
Perlis	925
Labuan	361
JUMLAH	123,103

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga membantu rakyat dalam memiliki rumah idaman mereka disamping meringankan beban kewangan melalui program dan insentif seperti yang berikut:

A) SKIM DI BAWAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA (JPN)

(i) Bantuan Pembiayaan bagi Membina Rumah

- a. Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

(ii) Bantuan Pembiayaan Deposit/Subsidi Pembelian Rumah

- a. Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)
b. Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)

iii) Program Pemilikan Rumah PPR melalui Skim Sewa Untuk Dimiliki (*Rent to Own* (RTO))

iv) Program Penyewaan Rumah

- a. Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)
- b. Program Rumah Transit Belia (MyTransit)
- c. Program Perumahan Rakyat Di Sewa

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:

- (a) secara terperinci berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada SJK(T) Desa Cempaka yang bangunannya terbakar pada tahun 2015; dan
- (b) kenapakah sehingga kini sekolah tersebut masih belum menerima sebarang peruntukan tambahan untuk kerja-kerja membaik pulih sekolah yang terbakar tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peruntukan sebanyak RM280,000 telah diluluskan dalam *Rolling Plan* 1 Rancangan Malaysia Ke-11 untuk membaiki kerosakan akibat kebakaran di SJK(T) Desa Cempaka.
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia telah menurunkan peruntukan melalui cek bertarikh 16 Ogos 2016 kepada SJK(T) Desa Cempaka melalui Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).